



NARATIF DRAMA ISLAMIK: MOTIF VISUAL MIOR HASHIM MANAP MELALUI LATAR LOKASI

Wawarah Saidpuddin *, Wan Amizah Wan Mahmud**

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

42600 Bandar Sri Putra, Kajang, Selangor

Email: wawarah@kuis.edu.my

Article Info

Article history:

Received: 1st June 2021

Accepted: 15th August 2021

Published: 31st December 2021

**Media Communication Programme

Faculty of Social Sciences and Humanities

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang Selangor

Email: wan_amizah@ukm.edu.my

DOI:

<https://doi.org/10.33102/jcicom.vol1no2.15>

ABSTRACT

The location of the drama is one of the types of setting chosen in a drama and is one of the production process of television dramas. The selection of the location requires in-depth study and recce to ensure that the play is more interesting and has a specific meaning for the audience to understand. Thus, this study aims to analyze the extent to which the selection of location backgrounds chosen by the director is tailored to the scene, having elements of da'wah besides influencing the visual beauty of the drama. This study uses content analysis on three Islamic dramas directed by Mior Hashim Manap on TV Al-Hijrah titled Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta, and Cinta dan Wahyu. This study carries out in-depth interviews with Mior Hashim Manap to discuss the issue of this study. The results reveals the location of the drama chosen by the directors in these three dramas have the characteristics of da'wah that show the beauty of Islam, the power of Allah S.W.T and bring the audience closer to Allah S.W.T. Overall the location can be made as an element of da'wah in Islamic drama whether as unseeded or implied through the scenes portrayed in the location.

Keywords: *Drama Setting, Drama Location, Islamic Drama, Dakwah, Mior Hashim Manap*

ABSTRAK

Lokasi drama adalah salah satu jenis latar yang dipilih dalam sebuah drama dan merupakan salah satu daripada proses penerbitan drama televisyen. Pemilihan lokasi itu memerlukan kajian dan recce yang mendalam bagi memastikan karya drama tersebut lebih menarik dan mempunyai maksud yang tertentu untuk difahami penonton. Maka, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sejauh mana pemilihan latar lokasi yang dipilih oleh pengarah disesuaikan dengan babak, mempunyai unsur dakwah selain mempengaruhi kecantikan visual drama. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap tiga drama Islamik arahan Mior

Hashim Manap yang disiarkan di TV Al-Hijrah bertajuk Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta, dan Cinta dan Wahyu. Kajian ini turut menemubual secara mendalam bersama Mior Hashim Manap, kru drama dan pelakon bagi membincangkan isu kajian ini. Hasil kajian menemui lokasi drama yang dipilih oleh pengarah dalam ketiga-tiga drama ini mempunyai ciri-ciri dakwah yang ingin menunjukkan keindahan Islam, kekuasaan Allah S.W.T serta bertujuan untuk mendekatkan lagi penonton dengan Allah S.W.T. Secara keseluruhannya latar lokasi boleh dijadikan sebagai unsur dakwah di dalam drama Islamik baik secara tersurat maupun tersirat iaitu melalui babak-babak yang dilakonkan di sesebuah lokasi tersebut.

Kata kunci: *latar drama, lokasi drama, drama Islamik, dakwah, Mior Hashim Manap*

PENGENALAN

Drama adalah salah satu bentuk hiburan kepada masyarakat dalam berkongsi realiti dan fantasi antara kandungan drama dan kehidupan sebenar manusia. Secara tidak langsung, ia memberikan pengaruh yang besar dalam pengamalan hidup sehari-hari kita sehingga menjadikan setiap bait dialog yang dilontarkan oleh pelakon adalah terjemahan kepada perbualan sehari-hari kita. Selain itu, budaya, pemakaian, prinsip, jalan cerita turut menjadi aspek penting yang mempengaruhi kehidupan harian peminat drama televisyen (Riaz & Arif, 2019).

Saparman Bakri (1982) menjelaskan bahawa drama adalah lakonan dari sebuah skrip yang dilakonkan di khalayak ramai. Manakala Hamzah (1996) pula memberi penakrifan drama sebagai suatu aksi yang dilakonkan di hadapan penonton melalui media persuratan dan elektronik untuk menyampaikan sebuah cerita termasuklah dialog, nyanyian, tarian dan lakonan. Drama yang ditulis itu mempunyai tujuannya, perlu dibangunkan unsur kemanusiaan di dalamnya, mempunyai hubungan yang dekat dengan penonton dan bentuknya dipengaruhi oleh zaman semasa (Manan Sikana, 1985). Selain itu drama turut didefinisikan sebagai instrumen yang unik untuk meneroka dan menyampaikan tindakan, pemikiran, dan emosi manusia (Ashifa, 2019).

Drama moden di Malaysia mula mengambil tempat dalam masyarakat bermula pada tahun 1970-an dan terus berkembang selari dengan perubahan sosial masyarakat serta (Raja Sabardin, 1998) mencerminkan situasi keadaan pada zaman masyarakat tersebut. Said Halim (1988) menyenaraikan antara proses penerbitan drama televisyen yang diperlukan adalah skrip, watak, babak, kostum, pelakon, lokasi, skrip kamera, rakaman, suntingan, grafik dan dabing. Bagi latar drama atau lokasi yang dipilih oleh pengarah perlu disesuaikan dengan babak dan seterusnya mempengaruhi kecantikan visual drama (N.M.Aqraishi, 2003; Stewartt, 1979).

Dakwah dalam Drama

Dakwah merupakan satu amanah llahi yang bersifat mulia dan diwariskan oleh Allah kepada para nabi dan wali dari satu generasi ke generasi. Dakwah juga boleh ditakrifkan sebagai seruan dengan mempercayai Allah sebagai Tuhan yang Maha esa dan tiada sekutu bagi-Nya, beriman dengan malaikat , kitab, para rasul, hari akhirat dan qada' dan qadar. Selain itu, dakwah juga mengajak manusia kepada akidah yang memberikan mereka manfaat atau menyelamatkan mereka dari kesesatan atau kecelakaan yang boleh memusnahkan mereka (Syed Muhammad Dawilah & Mohd Lutfi Solehan ,2009).

Dakwah merupakan tanggungjawab setiap umat Islam dalam mengajak masyarakat melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran serta mengajak mereka (menghayati ajaran itu bagi kepentingan mereka di dunia dan di akhirat, supaya kehidupan itu lebih bernilai dan bererti Marina Munira et al., 2011& Dusuki Ahmad, 2011). Ab. Aziz (1997) menjelaskan bahawa dakwah bukan semata-mata mengajak manusia kepada agama Allah, tetapi mestilah disertakan dengan uslub dan tatacara yang baik bagi mempengaruhi orang yang diajak itu. Maka, dalam memenuhi tatacara tersebut, media elektronik seperti televisyen adalah antara medium yang amat berkesan untuk menjalankan aktiviti dakwah (Ab. Aziz , 2001) misalnya mesej-mesej dakwah yang disampaikan melalui penceritaan drama yang disiarkan di televisyen.

Drama Islamik memperlihatkan kepada penonton akan kandungannya berorientasikan keindahan Islam, ketauhidan kepada Allah s.w.t, keimanan kepada agama Islam, kehidupan yang berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah dan sebagainya. Selain itu, perkara penting yang perlu diperhalusi dalam pembikinan drama yang berbentukkan islamik adalah kandungannya perlu mematuhi syariah baik dari segi lakonan, dialog yang dituturkan, mesej yang disampaikan, perwatakan, penampilan pelakon dan sebagainya. Bagi drama Islamik, motif elemen-elemen ini perlu mematuhi syariah Islam dan elemen patuh syariah ini (Rosmawati &Azimah 2016) wajar diangkat dalam drama yang berbentuk keagamaan yang selari dengan mesej penyampaian dakwah tersebut.

Selain itu, usaha untuk mengimplementasikan dakwah melalui drama ini telah lama menjadi sebahagian daripada kreativiti Muslim berdasarkan sejarah yang tercatat (Siti Rugayah et al., 2012). Antaranya drama tradisional iaitu wayang kulit yang digunakan oleh Muslim Indonesia yang menceritakan tentang Wali Songo (Abd Rahman Napiah, 1983). Dusuki Ahmad (2011) menjelaskan lagi, dalam sejarah Islam, karya seni dan sastera seperti syair, prosa, puisi, cerita, epik dan lain-lain digunakan sebagai medium untuk menyampaikan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Arab yang ketika itu amat mengagumi seni dan sastera. Ini merupakan sebahagian gaya hikmah dalam berdakwah kerana mereka tahu memanfaatkan kecenderungan masyarakat ketika itu.

Demikian itu, pada ketika ini seharusnya, drama adalah antara cara berhikmah daripada pengarah dan penulis skrip Islam yang ingin meneruskan legasi Rasulullah s.a.w

sebagai pendakwah untuk menyampaikan ilmu Islam kepada sasaran penonton drama tersebut. Dakwah dalam drama juga merupakan salah satu kaedah dakwah yang mampu dilaksanakan dengan berkesan dan berterusan. Asiah Sarji dan Nur Kareelawati (2011) menjelaskan kaedah dakwah tersebut jelas dalam penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan bentuk tertentu kepada masyarakat. Jadi , dapat dilihat drama adalah salah satu kaedah yang boleh menyampaikan dakwah dengan cara tersendiri.

Ahmad Kamil et al. (2011) telah menggariskan beberapa tanggungjawab yang perlu dipikul dalam drama Islam iaitu perkara yang paling utama adalah tanggungjawab berdakwah kepada Allah s.w.t. Maksud dakwah di sini adalah berdakwah secara umum iaitu mengajak manusia membuat kebaikan sama ada orang itu muslim ataupun tidak seperti yang dituntut dalam Islam. Amal ma'ruf nahi munkar ini merupakan fardu kifayah di mana jika sebahagian mereka yang berkelayakan seperti pengamal media menjalankan tanggungjawab ini, maka tidak wajib bagi yang lain. Penting untuk media Islam yang menggalas tanggungjawab ini agar menjaga tatatertib yang telah digariskan dalam Islam.

Karya seni merupakan antara anugerah Allah yang boleh dimanfaatkan sebagai pendekatan dakwah yang berkesan dalam masyarakat. Hal ini kerana elemen-elemen Islam yang ada dalam karya seni seperti drama dan filem cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat disamping menyebarkan dakwah dan ajaran Islam dalam bentuk yang menarik, penampilan watak yang menjadi teladan, serta melalui penceritaan yang beremosi (Dusuki Ahmad, 2011 dan Hassan & Yusoff, 2019) Selain daripada itu, Dusuki Ahmad (2011) menjelaskan juga, drama mempunyai khalayak penonton yang ramai dan mempunyai kesan yang pantas sama ada kepada golongan remaja atau dewasa. Kajian Hajar Opir et al. (2017) berkaitan drama Islamik, telah membina lapan kriteria filem patuh syariah dan salah satunya adalah pakaian yang berpandukan syarak Islam merangkumi aspek akidah, akhlak, pakaian, watak, nyanyian, muzik, perkakasan dan latar atau lokasi.

Motif Pengarah – Teori Auteur

Motif pengarah dalam sesebuah karya yang dihasilkan boleh dikenalpasti melalui hasil karyanya yang berbeza dengan pengarah lain. Selain itu, stail kepengarahan yang berulang-ulang melalui set penggambaran, pergerakan kamera, jenis shot, lokasi yang dipilih dan lain-lain teknik penerbitan seseorang pengarah juga boleh menggambarkan motif dan makna dalaman yang ingin disampaikan seorang pengarah melalui karyanya.

Teori yang menjadi dasar dalam kajian ini adalah teori auteur (kepengarangan) yang diasaskan oleh Francois Truffaut. Francois Truffaut menamakannya sebagai *politique des auteurs* dan diterjemahkan oleh Andrew Sarris kepada teori Auteur. Dalam nota teori auteur yang ditulis pada tahun 1962, Andrew Sarris menjelaskan teori ini

bertujuan sebagai kaedah untuk meningkatkan kedudukan pawagam Amerika dan untuk mewujudkan dewa pengarah kesukaan Amerika (Simpson et al., 2004).

Sarris mendakwa bahawa teori *auteur* menceritakan tentang pengaruh dan kawalan daripada seorang pengarah itu yang menentukan hala tuju sesebuah karya yang dihasilkan. Gianetti (2011) dalam kajiannya turut menjelaskan seorang pengarah mendominasi keseluruhan seni artistik dalam pembikinan filem dan menjadikannya seorang pengarah yang kuat, manakala Pramagiorre & Wallis (2011) menjelaskan seorang *auteur* dan bertindak membezakan hasil-hasil karya seseorang pengarah tersebut dengan pengarah yang lain.

Teori *Auteur* (Raines, 2009) boleh ditakrifkan sebagai teori pembikinan filem di mana pengarah tersebut dianggap kuasa kreatif paling utama dalam sesebuah filem. Ia termasuklah dari segi mengarah, menulis lakon layar dan penghasilan sesebuah filem tersebut. Bagi mengaitkan teori *auteur* dengan pengarah drama televisyen, Coward (2000) menyatakan bahawa jika pengarah drama tersebut bagus dalam arahannya, maka dramanya melalui televisyen juga boleh menjadi seni dan pengarah itu boleh diakui sebagai seorang *auteur*.

Menurut Sarris (2004) teori *auteur* juga melibatkan stail keperibadian pengarah tersebut membolehkan mereka untuk menjadi pengkarya dan bukan semata-mata bergantung kepada material untuk menghasilkan karyanya ke layar skrin. Karya tersebut juga merupakan manifestasi daripada kaca mata pengarah melalui pengetahuan, prinsip, pandangan terhadap dunia dan visi seseorang pengarah itu. Kolker (2002) menjelaskan makna dalaman dan motif seseorang perngarah ini juga boleh diperoleh melalui falsafah dan keunikan cara pengarah itu berfikir mengenai dunia dan kehidupan.


Teori *auteur* juga boleh dianalisis dengan mengambil pendekatan kajian terhadap sejauh mana latar belakang seseorang pengarah tersebut memberi pengaruh motif pengarahannya dalam hasil karya tersebut (Pramagiorre & Wallis 2011). Manakala kajian daripada Husebye (2004) membuktikan bahawa penulis skrin, Nora Ephron yang dikaji melalui teori *Auteur* ini menggunakan gaya dan tema yang berulang kali untuk menggambarkan motifnya bagi setiap filem yang dihasilkan.

Manakala Rennett (2012) turut memasukkan elemen warna untuk menggelar pengarah kelahiran Spain iaitu Pedro Almodovar sebagai *Auteur*. Dalam tulisannya, Rennett menjelaskan bahawa kebanyakannya filem arahan Almodover menggunakan warna merah sebagai simbolik terhadap watak dan tema yang berulang membuatkan pengarah ini berbeza dengan pengarah lain. Warna merah tersebut adalah simbolik kepada tema kasih sayang, darah, kematian, dan agama mencerminkan kewarganegaraan Sepanyol oleh Almodovar sekaligus mewakili gaya peribadi dan motif utama pengarah tersebut melalui karyanya.

Sarris dalam notanya tahun 1962 menjelaskan terdapat tiga premis di dalam teori Auteur seperti yang terdapat dalam model teori seperti di rajah 2.1 yang mewakili pengetahuan teknikal dan kreativiti seseorang pengarah, gaya peribadi kepengarahan dan juga makna dalaman pengarah. Tiga premis dalam model Teori Auteur oleh Sarris (2004:30-31) adalah:

Premis pertama di bulatan luar adalah mengenai ilmu pengetahuan teknikal dan juga kreativiti yang ada di dalam diri pengarah dalam menentukan hala tuju sesebuah karyanya. Premis kedua pula membincangkan apabila beberapa karya seorang pengarah itu dikumpulkan, gaya kepengarahan seseorang pengarah itu tidak akan dapat lari daripada pengaruh peribadi pengarah tersebut yang turut menjadi sebahagian daripada identiti ataupun lambang pengarahan tersebut. Manakala bulatan paling dalam iaitu premis ketiga pula adalah perkara yang paling penting iaitu makna dalaman yang merupakan motif utama yang ada dalam jiwa seseorang pengarah tersebut berkait rapat dengan perjalanan karya yang dihasilkan.

Rajah 1 : Model Teori Auteur, Sarris (1962)



Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan Teori Auteur bagi tujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam premis pertama dengan mengenal pasti pengetahuan teknikal dan kreativiti Mior Hashim Manap melalui teknik penerbitannya melalui pemilihan lokasi dalam ketiga-tiga dramanya berdasarkan kepada ciri-ciri kepengarahan Mior dan sejauh mana unsur-unsur dakwah disampaikan melalui set lokasi tersebut.

Manakala premis kedua iaitu gaya peribadi kepengarahan Mior Hashim Manap dikaji melalui penerbitan, kreativiti, dan mesej drama melalui latar lokasi yang dilihat konsisten dan diulang-ulang melalui ketiga-tiga drama arahannya dan analisis dikaitkan dengan sifat keperibadian yang ada dalam diri Mior Hashim Manap.

Premis yang terakhir sekali mengkaji makna dalaman Mior melalui pemilihan latar lokasi untuk mengetahui cabaran dan tekanan yang ditempuh dan juga kehendak motif dalamannya dalam mengarah drama Islamik ini. Selain itu, makna dalaman ini juga dapat mencungkil sejauh mana motif Mior untuk menyampaikan dakwah berdasarkan pemilihan latar lokasi yang dipaparkan.

METODOLOGI

Tiga drama yang dianalisis dalam kajian ini adalah Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta, dan Cinta dan Wahyu. Analisis kandungan drama ini memfokuskan kepada teknik penerbitan iaitu latar lokasi (N.M.A Quraishi. 2003) dan makna serta motif yang ingin disampaikan oleh Mior di sebalik visual lokasi tersebut. Selain itu, analisis kandungan ini juga akan mengkaji hubungan antara latar lokasi tersebut dengan unsur-unsur dakwah.

Selain itu, kajian ini memilih Mior Hashim Manap untuk ditemu bual sebagai pengarah drama Islamik secara bertujuan kerana beliau sendiri adalah subjek kajian utama yang mempunyai pengalaman dan kepakaran untuk menjawab objektif kajian ini (Merriam 2001). Selain daripada Mior Hashim Manap, pengkaji juga menemu bual beberapa krew yang terlibat dalam drama-drama ini seperti Pereka Seni dan juga Pelakon sebagai sokongan dan maklumat tambahan untuk saling menguatkan data yang diperolehi daripada analisis kandungan drama dan temu bual mendalam bersama Mior Hashim Manap.

HASIL KAJIAN

Sinopsis Cinta Kun Fayakun

Cinta Kun Fayakun merupakan telefilem arahan Mior Hashim Manap yang disiarkan pada tahun 2012 di TV Al-Hijrah. Ia mengisahkan tentang Rahman yang bekerja sebagai penyelia pelajar-pelajar Malaysia yang menyambung pelajaran di Mesir. Rahman adalah seorang anak yatim piatu dan mempunyai seorang nenek dan adik yang tinggal di Malaysia. Adik Rahman iaitu Fatimah baru mendapat keputusan yang cemerlang dan berjaya menerima tawaran untuk menyambung pelajaran ke Mesir. Hanum yang merupakan anak seorang Dato' pula sedang kesedihan kerana baru kehilangan tunangnya yang meninggal dunia kerana kemalangan. Sementara itu, Daniel seorang pemuda dan rakan perniagaan Dato' Bakri yang mendengar berita tersebut mengambil kesempatan untuk memikat Hanum kerana ingin mendapatkan projek perniagaan daripada Dato' Bakri. Hanum yang lurus mula berkenalan dengan Daniel kerana menganggap Daniel ikhlas berkawan dengannya. Projek penajaan kelas Bahasa Arab di Mesir dan promosi produk tempatan dari syarikat ayahnya menemukan Hanum dengan Rahman kerana Hanum ditugaskan oleh ayahnya untuk

mengendalikan projek tersebut. Hanum ditugaskan ke Mesir untuk mengetuai projek tersebut. Dalam masa yang sama, Dato' Bakri yang ingin melindungi anaknya daripada tipu daya Daniel telah meminta bantuan daripada rakannya merangkap pakcik Rahman, iaitu Karim untuk mencarikan lelaki yang baik dan menjaga agama untuk dijodohkan dengan Hanum.

Latar Drama *Cinta Kun Fayakun*

Dalam drama ini, lokasi dan latar penggambaran yang digunakan adalah di negeri Kelantan dan Mesir. Antara lokasi yang menjadi pilihan pengarah adalah di tepi pantai, sungai dan kelas di institusi. Di Kelantan antara lokasi pilihan pengarah adalah kawasan pantai Cahaya Bulan yang menempatkan rumah Nenek Rahman. Antara babak yang ditunjukkan adalah seperti di Gambar 3.1 apabila Rahman bertegur sapa dengan seorang lelaki yang sedang membawa jaring ikan. Secara tidak langsung Mior ingin menunjukkan ia merupakan antara punca rezeki penduduk di situ. Selain itu, kegemaran Hanum yang suka meluangkan masa di tepi pantai dan beberapa syot laut, ombak, langit dan babak yang menunjukkan Rahman, Hanum dan Fatimah yang berjalan di tepi sungai di Mesir adalah cara Mior ingin menunjukkan kekuasaan dan keindahan ciptaan Allah untuk direnungi oleh penonton.



Gambar 3.1 Lokasi pantai dalam *Cinta Kun Fayakun* menunjukkan keindahan alam

Mior cenderung memilih laut sebagai lokasi untuk disesuaikan dengan emosi ataupun latar belakang yang dibawa oleh watak kerana Mior berpendapat dengan memaparkan visual laut seperti mempunyai makna untuk punca rezeki manusia ataupun melepaskan perasaan yang sedih dengan mengagumi kebesaran ciptaan Allah S.W.T.

"Nalurinya laut tempat manusia untuk melepaskan kekecewaan ke stress ke di laut. Memang cerita ini bermula dengan watak yang menghadapi tekanan bila tunang dia eksiden jadi dilaut itulah dia mengenang kembali tunang dia. apabila dia menghadapi masalah atau keseronokan di akan ke laut."

(Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014)

Manakala lokasi di Mesir, Mior cuba menunjukkan kepentingan ilmu dalam dramanya dengan memilih kelas untuk menunjukkan kegigihan pelajar menuntut ilmu. Begitu juga perbincangan Fatimah dan Rahman mengenai perasaan Rahman kepada Hanum, babak tersebut juga dilakukan di dalam kelas untuk Mior menunjukkan kedua adik beradik ini sebagai simbol pencinta ilmu dan juga mempunyai kebijakan.

Sinopsis *Cinta Kun Fayakun*

Drama Warkah Cinta pula dilakukan penggambarannya di Mesir dan Kelantan pada tahun 2012 dan turut disiarkan di TV Al-Hijrah. Drama ini mengisahkan tentang Amir Mukhlis seorang penuntut di Maahad Tahfiz al-Quran dan ditakdirkan berkenalan dengan pelajar Naim Lilbanat iaitu Wardah dalam satu sesi pertemuan antara redaksi sekolah. Amir dibesarkan dalam keluarga yang subur dengan atmosfera agama. Beliau dididik dan dibesarkan oleh ibu-bapa yang memahami asas-asas agama dengan baik. Wardah pula berasal dari keluarga yang agak kucar-kacir disebabkan bapanya mempunyai beberapa karakter yang negatif materialistik dan tidak menyukai karakter agamawan. Wardah cuba menyedarkan bapanya bahawa tanggapan seperti itu adalah salah. Atas dasar itu, beliau muhu mencari bakal suami yang berprinsip dan boleh menjadi tauladan kepada keluarganya.

Latar Drama *Warkah Cinta*

Dalam drama ini, latar lokasi yang dipilih adalah di Kelantan dan Mesir. Mior telah menunjukkan beberapa simbol negara Mesir dan negeri Kelantan dalam beberapa babak yang mewakili Mesir atau Kelantan. Contohnya beberapa *wide shot* untuk piramid, padang pasir, Bandar Kaherah adalah antara simbol utama untuk Negara Mesir. Manakala bagi negeri Kelantan antara simbol yang mewakili dan dipilih oleh Mior adalah pantai Cahaya Bulan, Sekolah Naim Lilbanat, dan kilang mencanting batik. Beberapa lokasi seperti sekolah/ IPT, masjid, pantai, laut, sungai, asrama dan sekitar bandar sama ada di Kelantan atau Mesir juga menjadi pilihan Mior untuk mengekspresikan tujuan bagi babak lakonan yang turut bersesuaian dengan lokasi.

Memandangkan *Warkah Cinta* adalah kisah berkenaan pelajar sekolah dan IPT maka, sekolah dan universiti menjadi pilihan utama untuk setiap babak yang dilakonkan. Secara tidak langsung penonton dihidangkan dengan kehidupan sebenar pelajar sekolah agama, pelajar tafsir, pelajar Universiti dan pelajar Mesir yang tertumpu di kelas, masjid sekolah, asrama, dan persekitaran sekolah. Antaranya babak di kelas sekolah tafsir adalah ketika sesi soal jawab antara guru dan murid di episod 2, Rahim bertanya kepada gurunya bagaimana ingin mencari calon pasangan yang solehah. Secara tidak langsung babak ini mendidik penonton untuk mencari calon pasangan

dengan beberapa syarat iaitu menilai pasangan yang beragama, berilmu, dan berakhhlak.

Manakala bagi Mardiana Alwi, pelakon drama terbabit menjelaskan, pemilihan lokasi SMKA Lilbanat menjadikan pengalamannya di set menjadi menarik dan secara tidak langsung mendorongnya untuk menjadi lebih baik apabila dapat bekerjasama dengan pelajar-pelajar sekolah agama tersebut.

"Satu pengalaman yang menarik kerana saya berpeluang menjadi pelajar sekolah semula! Secara tidak langsung, SMKA Naim Lilbanat merupakan salah satu inspirasi saya untuk menjadi seorang yang lebih baik."

(Mardiana Alwi, Temu bual melalui e-mel, 3 Disember 2014)

Bagi pelajar tahfiz antara rutin harian mereka adalah menghafaz surah-surah, maka masjid sekolah menjadi lokasi utama seperti yang ditunjukkan di Gambar 3.2 bagi babak hafazan pelajar tahfiz seperti watak Amir, Rahim dan Zaki. Mior turut menjadikan lokasi masjid sekolah tersebut untuk beberapa babak Amir bersoal jawab dengan gurunya contohnya perbincangan berkenaan perasaan, cinta dan akibat zina episod 6. Selain daripada masjid di sekolah, masjid di kampung Amir turut menjadi lokasi pilihan Mior contohnya babak Imam meminta Amir untuk menjadi Imam Solat Subuh dan beberapa perbincangan isu semasa Amir bersama Tok Imam contohnya isu berkenaan remaja sekarang dan tanggungjawab ibu-bapa mendidik anak-anak seperti di episod 3, 5 dan 6.



Gambar 3.2 Amir mengaji di lokasi masjid sekolah tahfiznya mendekatkan penonton kepada Al-Quran (ep.3)



Gambar 3.3 Wardah yang berjalan di tepi pantai menampakkan keindahan alam dan kekuasaan Allah(ep. 11)

Selain itu, keindahan laut, pantai, langit turut menjadi latar bagi drama ini. Kebanyakan babak sedih yang dihadapi oleh Wardah seperti di Gambar 3.3, Mior memilih lokasi tepi pantai dan laut sebagai ekspresi untuk menunjukkan seseorang yang sedang bersedih ingin mencari ketenangan dengan merenung kuasa Allah S.W.T seperti yang disarankan dalam al-Quran. Contohnya beberapa babak dan syot rakaman di episod 3,4,5, 6, dan 10, Wardah berjalan di tepi laut dan duduk di atas batu merenung ombak pantai di tepi laut . Lokasi tepi pantai ini juga dipilih Mior ketika Tasnim memeluk Wardah selepas Tasnim membaca Warkah Cinta daripada Amir yang bertujuan untuk Wardah tidak menghubunginya lagi seperti di episod 1 dan episod 10.

Pengkaji bertanya dengan Mior apakah beliau memasukkan elemen dakwah di dalam lokasi yang ada di dalam drama ini. Jawapannya, Mior memasukkan elemen kekuasaan Allah di dalam lokasi yang dipilihnya seperti laut dan lapangan terbang di Kelantan. Hal ini adalah kerana kecenderungan Mior yang suka memerhatikan kebesaran Allah dan berkongsi perasaannya dengan penonton melalui drama.

"Manusia ni rasa sepi, rasa sesuatu terganggu dia akan cari tempat begini, dia melihat alam yang luas atau kita melihat kebesaran Allah, dia dapat meluahkan kekecewaan dia. Begitu juga dengan airport, saya dulu suka tengok kapal terbang turun dan naik, kita melihat besi yang terbang, kuasa mana yang datang tu? Itu secara kerohanian yang susah saya nak cakap.

(Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014)

Sinopsis Cinta dan Wahyu

Drama Cinta dan Wahyu merupakan sekuel daripada drama Warkah Cinta yang sebelumnya, namun masih mengekalkan beberapa watak utama di dalamnya. Penggambaran drama ini dijalankan pada tahun 2013 di Kelantan dan Kemboja dan disiarkan di TV Al Hijrah. Walaupun terdapat beberapa kesinambungan daripada drama Warkah Cinta, namun, Cinta dan Wahyu merupakan kisah kehidupan yang baru kepada watak utama drama tersebut iaitu Amir Mukhlis. Kehidupan Amir Mukhlis yang baru sahaja selesai menjalani pembedahan tumor di kepala diteruskan lagi dalam drama ini. Cerita ini mengisahkan konflik dalaman Amir Mukhlis sebagai Hamba Allah yang mahu mencari kembali semangat hidup setelah sembuh daripada penyakit barah. Amir juga turut kesedihan kerana kematian wanita yang diminatinya dahulu secara diam iaitu Wardah ketika drama Warkah Cinta. Rahim yang merupakan kawan baik Amir dan sepupu Wardah meneruskan pembelajaran di sekolah pondok sentiasa memberikan galakan dan semangat kepada Amir agar jangan terus leka dengan masa silam yang penuh dengan kesedihan.

Latar drama Cinta dan Wahyu

Dalam drama ini, latar lokasi yang dipilih adalah di Kelantan, Putrajaya dan Kemboja. Beberapa simbol telah ditunjukkan oleh Mior dalam beberapa babak sebagai mewakili lokasi tersebut. Contohnya, Putrajaya diwakili oleh wide syot bangunan-bangunan kerajaan di Putrajaya dan jambatan Putrajaya. Manakala di Kelantan pula, Mior menunjukkan simbol yang mewakili Kelantan seperti wide syot lapangan Terbang Kota Bharu, kawasan perusahaan keropok ikan seperti yang ditunjukkan di Gambar 3.4, sekolah pondok, dan sebagainya. Di Kemboja pula, Mior menunjukkan pengenalan negara tersebut dengan wide syot lapangan terbang, pasar di Kemboja, Kampung Chnnang, Tugu Kemerdekaan Kemboja, Istana Kerajaan Kemboja dan kesibukan jalanraya di Kemboja.



Gambar 3.4 Lokasi tepi pantai dan perusahaan keropok kering sebagai tradisi makanan rakyat Kelantan (ep.7)

Beberapa lokasi utama yang menjadi pilihan Mior untuk setiap babak lakonan di Kelantan adalah pejabat, masjid, sekolah pondok, rumah Tasnim, dan rumah anak yatim, kedai D'halal shoppe manakala di Kemboja, lokasi yang dipilih oleh Mior adalah lapangan terbang, pasar di Kemboja, Kampung Chnnang, Tugu Kemerdekaan Kemboja, Istana Kerajaan Kemboja dan kesibukan jalanraya di Kemboja.

Dalam drama *Cinta dan Wahyu*, Mior tidak terlepas untuk memasukkan elemen-elemen dakwah dalam setiap pemilihan lokasi yang dibuat seperti di rumah Amir ataupun di Kemboja. Rumah Amir turut menjadi lokasi penggambaran di awal episod 1 hingga 6 kerana Amir banyak meluangkan masa untuk berada di rumahnya bagi proses penyembuhan selepas menjalani pembedahan tumor otak dan juga memulakan penulisan novel di rumahnya iaitu sebelum Amir menerima tawaran bekerja.

Contohnya untuk watak Amir yang sedang menghadapi konflik dalam proses penyembuhan daripada sakit tumor otak, Mior turut memasukkan elemen dakwah di lokasi rumah Amir untuk mesej kepada penonton agar sering mengingati Allah walau apa jua keadaan kita.

"Ini je, dalam Islam balik pada Quran, kita sakit, kita tidak tinggalkan sembahyang, tidak tinggalkan bacaan al-Quran. Jadi bila dia sakit, dia mengaji, dia sentiasa solat, baca al-Quran. Begitu juga di Kemboja dakwah Islam dengan kemanusiaan dengan membantu orang susah. Kat sana pun ada masjid walaupun daif."

(Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014)

Boon, pereka seni bagi drama ini turut berkongsi lokasi juga bergantung pada kesesuaian watak yang dibawa. Misalnya watak Amir yang berbeza daripada *Warkah Cinta* perlu disesuaikan dengan lokasi rumahnya kerana Amir sendiri banyak menghabiskan masanya di rumah.

"Seperti penonton tahu, rumah Amir dah lain. Untuk set rumah Amir ni, kalau kita tengok watak Amir dalam Cinta dan Wahyu ini tak ceria seperti dahulu seorang yang pelajar, yang dia banyak masalah, dia nak pikirkan masalah tu masalah ni, jadi pemilihan rumah ketika tu kita cuba cari rumah warna kelam, dim, warna kayu asli."

(Yu Chee Boon, Temu bual, 3 Disember 2014)

Selain itu, untuk menampakkan lokasi rumah tersebut sesuai dengan Amir yang berlatarbelakangkan agama, Yu Chee Boon harus membuat rak kitab-kitab untuk menunjukkan nilai Islamik yang ada pada Amir.

"Untuk set rumah dia, rumah tu sebenarnya nampak macam resort, tapi saya yelah, watak Amir tu pelajar tahfiz, memang saya bina khas rak buku, untuk dia bagi menaikkan nilai-nilai Islamik untuk dia."

(Yu Chee Boon, Temu bual, 3 Disember 2014)

Selain daripada lokasi di rumah, pejabat juga antara lokasi yang utama untuk drama ini selepas watak Amir mencapai kejayaan menulis novel dan menjadi pegawai sumber manusia di pejabat. Bagi babak di pejabat, antara lokasi yang menjadi pilihan Mior adalah pejabat Amir di mana perbincangan antara Amir dan majikannya, En Razlan dan juga dengan rakan sekeryanya iaitu Jamal berkenaan projek tanggungjawab sosial (CSR) di syarikatnya. Selain pejabat Amir, Mior turut memilih surau pejabat sebagai lokasi di mana babak Amir mengimamkan jemaah yang terdiri daripada pekerja seperti di episod 7. Amir turut menyampaikan beberapa ceramah dan tazkirah bagi meningkatkan persekitaran positif dan mengubah budaya kerja dalam kalangan pekerja menjadi lebih baik. Selain itu, Mior juga memastikan agar persekitaran pejabat dipenuhi oleh pekerja-pekerja yang melakukan pekerjaan dan perbincangan antara rakan sekerya.

Uniknya lokasi dan set pejabat yang dipilih oleh Mior ini atas dasar yang tertentu dan dikongsikan oleh Yu Chee Boon.

"Kami pilih pejabat yang agak kecil, ringkas sebab itulah motif En Mior sebab dia taknak pejabat yang ada automatic door, ada security, besar, dengan design yang bukan-bukan. Jadi dia pilih pejabat yang bentuk geometri. Segi empat-segi empat. Pejabat macamtu susah nak jumpa di KL, jadi dia nak tunjuk macam tu. First untuk samakan dengan environment dari rumah tu, second dia nak tunjukkan nilai kesederhanaan, dia taknak tunjuk nilai kemewahan. Ramai juga yang tanya kenapa pejabat macamtu, tapi itulah motif kita. "(Yu Chee Boon, Temu bual, 3 Disember 2014)

Selain daripada surau di pejabat Amir dan pondok, masjid di kampung Amir juga menjadi pilihan lokasi dalam drama apabila Amir diberi kepercayaan menjadi imam untuk solat berjemaah dan juga menjadi penceramah kepada orang kampung.

Cinta dan Wahyu juga berlatar belakangkan sekolah pondok yang didiami oleh Rahim. Antara lokasi yang menjadi pilihan Mior di pondok adalah surau dan juga rumah pondok. Surau tersebut digunakan oleh Mior untuk babak mengaji dan perbincangan isu semasa antara Rahim dan rakan-rakan pondoknya. Manakala, babak di dalam pondok seperti babak Rahim menerima kunjungan daripada Amir dan Rahim untuk meminta nasihat tentang hubungan antara lelaki dan wanita seperti di episod 8.



Gambar 3.5 Lokasi Pondok dan Pelajar Pondok menunjukkan kehidupan zuhud umat Islam (ep. 4)

PERBINCANGAN KAJIAN

Lokasi yang dipilih oleh pengarah dalam ketiga-tiga drama ini mempunyai ciri-ciri dakwah yang ingin menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T dan mendekatkan lagi penonton dengan Allah. Lokasi seperti laut digunakan oleh pengarah apabila watak yang sedang bermain dengan emosi sama ada sedih, gembira, sepi atau tertekan akan ke laut untuk mendapatkan ketenangan dengan memerhatikan keindahan laut dan kebesaran ciptaan Allah tersebut. Selain itu, lokasi lapangan terbang juga adalah cara untuk pengarah mengajak penonton bersama memikirkan kekuasaan Allah dengan mengizinkan kapal terbang tersebut untuk terbang.

Selain itu, lokasi yang berunsurkan Islam juga turut digunakan oleh pengarah seperti masjid, sekolah agama, sekolah pondok, kedai D’Halal Shoppe, dan Universiti Al-Azhar . Selain daripada mengetengahkan lokasi ini sebagai latar drama, pengarah juga secara tidak langsung dapat menyampaikan keindahan agama Islam melalui babak-babak yang dilakukan di lokasi tersebut. Lokasi masjid yang kerap dipaparkan dalam drama-drama ini adalah untuk mengajak penonton agar memakmurkan masjid kerana di dalam drama ini masjid bukan sahaja digunakan sebagai kawasan untuk solat dan hafazan al-Quran bagi pelajar sekolah, tetapi juga sebagai perbincangan isu-isu semasa antara imam dan anak muda, ustaz dan pelajar dan sesama rakan.

Manakala penggunaan sekolah agama, sekolah pondok dan Universiti Al-Azhar adalah tanggungjawab pengarah untuk menceritakan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia dengan melalui set penggambaran seperti belajar dalam kelas, pertanyaan antara guru dan anak murid, perbincangan antara pelajar dengan memegang kitab-kitab di laman sekolah dan sebagainya.

Kajian juga berhasil menemui Mior juga sangat menghargai apa sahaja yang berada di sekelilingnya dan suka memerhati kebesaran ciptaan Allah. Maka, peribadi ini juga turut digambarkan melalui drama-drama Islamik arahannya yang dianalisis ini iaitu syot terhadap laut, kapal terbang, lapangan terbang, pantai, sungai dan laut untuk

disampaikan kepada penonton. Secara tidak langsung ia juga menggambarkan peribadi Mior yang akan melepaskan kesepiannya dengan memerhatikan kebesaran Allah .

Mior turut berkongsi bahawa beliau merasa satu kerugian apabila waktu remaja dahulu dibiarkan sia-sia kerana tidak mendekati tokoh-tokoh sejarah walaupun peluang tersebut berada di depan mata. Peribadi ini juga turut mempengaruhi Mior melalui set penggambaran dan lokasi yang dipilihnya seperti dalam analisis kandungan. Misalnya, apabila di Kelantan, lokasi-lokasi yang melambangkan Kelantan seperti kilang mencanting batik, perusahaan keropok, kampung nelayan merupakan ilmu dan sejarah lokasi yang ingin dikongsikan oleh Mior kepada penonton.

Hasil daripada perbincangan dan analisis terhadap hasil kajian mendapati Mior adalah seorang auteur drama kerana menghasilkan drama yang bagus dalam erti kata untuk drama Islamik yang menyampaikan dakwah dan mematuhi syariah. Untuk premis pertama dapat dikenal pasti melalui ketiga-tiga drama ini bahawa Mior mempunyai pengetahuan teknikal dan kreativiti untuk menghasilkan sebuah drama Islamik. Hal ini adalah kerana ciri-ciri kepengarahan Mior iaitu teliti, dan berpengetahuan membuatkan Mior dapat mengawal proses penggambaran drama tersebut termasuklah melalui pemilihan lokasi, dan teknik penggambaran yang digunakan.

Bagi premis kedua pula, hasil kajian mendapati gaya peribadi kepengarahan Mior juga berbeza daripada pengarah lain kerana ia turut dipengaruhi oleh sifat peribadi dan pemikirannya melalui penyampaian teknikal yang digunakan secara konsisten dan juga mesej dakwah yang ditekankan. Pemilihan latar drama yang dipilih oleh Mior juga adalah kerana pengaruh daripada sifatnya yang suka menghargai kebesaran ciptaan Allah dan perkara yang berada si sekelilingnya. Selain itu, sifat Mior yang suka berkongsi ilmu dan menyampaikan dakwah juga membuatkan Mior cenderung untuk memasukkan unsur-unsur didikan Islam di dalam setiap kreativitinya termasuklah melalui set penggambaran dan latar lokasi yang dipilih.

Dari gaya peribadi tersebut bagi premis ketiga mendapati motif Mior yang berulang dan ditekankan oleh Mior dalam pemilihan latar lokasi drama tersebut adalah inginkan penonton menghargai keindahan ciptaan Allah dan sejarah warisan yang terdapat di setiap lokasi yang dipaparkan. Buktiya seperti pengulangan penggunaan latar lokasi seperti laut, lapangan kapal terbang, lokasi yang penuh dengan sejarah dan warisan serta unsur dakwah Islam yang dimasukkan dalam set lokasi tersebut.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga premis, hasil kajian terhadap pemilihan latar lokasi dalam drama arahan Mior membuktikan Mior mempunyai ciri-ciri Auteur yang telah digariskan dalam teori Auteur ini kerana beliau mempunyai pengetahuan teknikal, dan gaya kepengarahannya juga turut dipengaruhi oleh sifat peribadinya, dan makna

dalamannya yang melahirkan motif utama yang diulang-ulang dan ditekankan ingin ditunjukkan oleh Mior dalam drama ini kepada penonton.

KESIMPULAN

Selain memperkenalkan sejarah dan keindahan lokasi dalam sesebuah drama, pengarah drama Islamik seharusnya tidak melepaskan peluang untuk menyampaikan dakwah Islam dengan menumpukan kepada elemen-elemen yang mendekatkan seorang itu kepada didikan yang berpaksikan kepada agama dan seterusnya memperkenalkan keindahan Islam kepada penonton. Secara keseluruhannya latar lokasi boleh dijadikan sebagai unsur dakwah di dalam drama Islamik baik secara tersurat maupun tersirat iaitu melalui babak-babak yang dilakukan di sesebuah lokasi tersebut.

RUJUKAN

- Ab. Aziz b Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ab. Aziz b Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Napiah. (1983). *Esei dan Kritikan Drama*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Kamil Jamilin, Mohd Fauzi Mohd Amin, Mohd Shamsul Hakim. (2011). Matlamat dan prinsip media Islam. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm.13-26. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia
- Ashifa , D. (2019). Soap Opera Addictive Behaviour among Women Viewers in India . GIS Business, 14(6), 1007-1010. Retrieved from <https://www.gisbusiness.org/index.php/gis/article/view/16681>
- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd. Karim. 2011. Kajian filem arahan pengarah muda sebagai saluran dakwah di Malaysia. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle(pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm. 175-194. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia
- Dusuki Ahmad. (2011). Menerapkan nilai agama dan keprihatinan umat dalam filem dan drama. Dlm. Nor Hartini Saari (pnyt). *Pemerkasaan Televisyen dalam Mendidik Masyarakat*, hlm. 69-80. Kuala Lumpur : IKIM
- Giannetti, L. (2011). *Understanding Movies*. United States: Pearson Education.
- Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah, Norrodzoh Binti Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, & Wan Yusnee Abdullah. (2017). Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syariah di Malaysia. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 12, 71-91.

- Hamzah Ismail. (1996). Sandiwara sebagai genre drama moden Malaysia. Tesis Sarjana Sastera Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Husebye, M. S. J. (2004). The screenwriter as auteur: assessing the writer's contribution in contemporary hollywood: Nora Ephron's Heartburn, When Harry Met Sally and You've Got Mail. Tesis Kedoktoran. Universiti Chapman, United States. <http://search.proquest.com/docview/305054832?accountid=41453> [30 Mei 2014]
- Kolker, R. (2002). *Film, Form and Culture*. New York: Mc Graw Hill.
- Mana Sikana. (1985). *Mendekati Drama*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana(M) Sdn Bhd.
- Marina Munira Mutalib, Suhailiza Md. Hamdani, Khatijah Othman & Roslizawati Mohd Ramli. 2011. Tugas dan tanggungjawab media dalam pembangunan insan. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle(pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm.41-52. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco:Jossey-Bass Pub
- N.M.A. Quraishi. (2003). Menganalisis sebuah filem. Dlm. Ramli Mohamed (pnyt.)Hlm. 1-14. *Sinema dan Penontonan di Malaysia*. Pulau Pinang:Universiti Sains Malaysia.
- Pramagiorre,M. & Wallis, T. (2011). *Film: A Critical Introduction*. Laurence King Publishing: London
- Raines, H. J. (2009). Auteur direction, collaboration and film music: Re-imaginings in the cinema of Rodriguez and Tarantino. Tesis Sarjana Jabatan Muzik, University of ottawa.<http://search.proquest.com/docview/192932155/abstract/F62359D643324573PQ/1?accountid=41453> [27 Mei 2014]
- Raja Sabardin Raja Abdullah. (1998). Drama sebagai pengajaran-pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah. Tesis Sarjana Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rennett, M. (2012). The Color of Authorship: Almodova r's Labyrinth of Red. Dlm. Matz, M. R., & Salmon, C. (pnyt). *How the Films of Pedro Almodóvar Draw Upon and Influence Spanish Society: Bilingual Essays on His Cinema*, hlm 67-93. Harvard University: Edwin Mellen Press.
- Riaz, S., & Arif, U. (2019). Influence of Foreign TV Programs on Fashion, Lifestyle and Language of Youth. *Journal of Media Studies*, 32(2).

- Rosmawati. M.R & Azimah. M. (2016). Analisis Elemen Patuh Syariah Dalam Filem Nur Kasih the Movie (2011) Berdasarkan Teori Filem Ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1).
- Said Halim Said Nong. (1988). *Drama Melayu Televisyen Malaysia: Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saparman Bakri. (1982). *Alam Teater*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarris, A. (1971). Notes on the Auteur Theory in 1962. Dlm. Sitney,P.A(pnyt). *Film Culture Reader*. London:Secker & Warbug.
- Simpson,P. Utterson, A. Shepherdeson,K.J. (2004). *Film Theory:Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. London:Routledge
- Siti Rugayah Tibek, Jawiah Dakir, Zamri Ariffin, Fariza Md. Sham, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Badlihisham Mohd.Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani. 2012. The Islamic Value In Malaysian Television Drama On Channel 1. *Advances in Natural & Applied Sciences*, 6(4) : 552-560.
- Stewart,L.A.L. (1979). Ida Lupino As Film Director, 1949-1953: An 'Auteur' Approach. Tesis Ph.D. University of Michigan,United States <http://search.proquest.com/docview/302926611?accountid=41453>[25 Disember 2014]
- Syed Muhammad Dawilah Al Idrus & Mohd Lutfi Solehan. (2009). Peranan Ict dalam penyebaran dakwah dalam era globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah Di IPT Dan Komuniti. Dewan Tunku Ibrahim Ismail UTHM, Batu Pahat, 2-3 Disember